


NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA YANG WAJAR DITELADANI



DI SEBALIK DINARA

Farisha gigih menimba ilmu dalam bidang perkomputeran apabila sanggup membeli tiket yang berharga RM2,500 untuk dia dan Rosman bagi menghadiri simposium di Hotel Renaissance yang dirasmikan oleh Philips Yong, Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa.

PENERANGAN

Peristiwa ini wajar diteladani kerana mengajar kita agar gigih berusaha dalam menuntut ilmu.

DI SEBALIK DINARA

Azraai melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang abang dengan memasang pengimbas retina dan interkom di pintu apartmen adiknya, Farisha untuk memastikan keselamatannya.

PENERANGAN

Peristiwa ini wajar diteladani kerana mengajar kita agar melaksanakan tanggungjawab terhadap ahli keluarga dengan berusaha menjaga keselamatan dan melindungi mereka daripada sebarang bahaya.

SILIR DAKSINA

Abdullah Kayan terlalu sayang akan anaknya Haiqal yang dipisahkan oleh isterinya sehinggakan dia sentiasa merindukannya dan menghasilkan manuskrip cerita tentang perasaan rindu kepada anaknya.

PENERANGAN

Peristiwa ini wajar diteladani kerana mengajar kita agar mengasihi dan menyayangi ahli keluarga.

SILIR DAKSINA

Haiqal bersolat subuh terlebih dahulu di surau Stesen bas Batu Pahat sebelum mencari teksi untuk ke Kampung Seri Purnama.


PENERANGAN

Peristiwa ini wajar diteladani kerana mengajar kita agar berusaha melaksanakan dan menyempurnakan tuntutan agama walau di mana-mana sahaja kita berada.

NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA YANG TIDAK WAJAR DICONTOHI



DI SEBALIK DINARA

Karl, iaitu ayah Farisha bersikap mementingkan diri sendiri apabila sanggup menjadikan anaknya yang masih kecil sebagai bahan uji kaji dengan memasukkan pelbagai implant ke dalam tubuhnya untuk menjadikannya genius.

PENERANGAN

Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana menunjukkan kegagalan seorang ayah dalam menunaikan tanggungjawabnya untuk menjaga dan melindungi anaknya dengan penuh kasih sayang.

DI SEBALIK DINARA

Karl telah menyeksa isterinya, Rusmina sehingga menjadi cacat dan diubah menjadi cyborg yang bernama Alia kerana keengganan isterinya untuk meninggalkan agama yang dianutinya.

PENERANGAN

Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana kita sepatutnya berpegang teguh kepada agama yang dianuti dan tidak melakukan kekejaman terhadap orang lain.

SILIR DAKSINA

Umi bertindak mengugut Haiqal bahawa dia tidak akan mendapat apa-apa belanja sepanjang berada di kampung halaman arwah bapanya di Batu Pahat, Johor sekiranya dia tetap bertegas dengan keputusannya untuk ke sana seorang diri bagi menjejaki sejarah hidup bapanya.

PENERANGAN

Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana sikap ego dan mementingkan diri sendiri boleh merosakkan hubungan baik dengan orang tersayang.

SILIR DAKSINA

Perangai abang Tauke Lim yang gila judi menyebabkan semua harta ayahnya tergadai dan Tauke Lim ditimpa kesusahan.

PENERANGAN


Peristiwa ini tidak wajar dicontohi kerana perbuatan berjudi boleh mengakibatkan kita mengalami kerugian, dikelilingi hutang dan keluarga berpecah belah.

NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA YANG

MEMBERIKAN INSPIRASI



DI SEBALIK DINARA

Farisha berani menahut cabaran dengan menerima tawaran Dr. Maxi untuk tugas menggodam tiga kelompok komputer Soft Lab dengan nilai kontrak sebanyak RM1.5 juta.

PENERANGAN

Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya agar berani mencuba sesuatu perkara yang mencabar dan menguji kemampuan diri.

DI SEBALIK DINARA

Farisha gigih menimba ilmu dalam bidang perkomputeran. Farisha sanggup membeli tiket yang berharga RM2500 untuk dia dan Rosman bagi menghadiri simposium di Hotel Renaissance yang dirasmikan oleh Philips Yong, Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa.

PENERANGAN

Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya agar berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam menambahkan ilmu pengetahuan.

SILIR DAKSINA

Haiqal berusaha untuk menghidupkan kumpulan zapin D'Purnama semula setelah terkubur apabila bapanya, Abdullah bin Kayan meninggal dunia.

PENERANGAN

Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya agar berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam memartabatkan warisan budaya tinggalan nenek moyang agar tidak pupus ditelan arus kemonotan.

SILIR DAKSINA

Ong See Hwa menyerahkan manuskrip kepada Haiqal sebagai menunaikan amanah yang diberikan oleh arwah Abdullah bin Kayan meskipun dia sangat sayang akan manuskrip tersebut.

PENERANGAN


Peristiwa ini memberikan inspirasi kepada saya agar berusaha melaksanakan amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya.

NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA YANG

MENUNJUKKAN KASIH SAYANG



DI SEBALIK DINARA

Farisha berasa sedih apabila mendapat tahu abangnya, Azraai menghidap penyakit jantung ketika makan malam di rumah Azraai kerana dia sangat menyayangi abangnya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang seorang adik yang mendalam terhadap abangnya.

DI SEBALIK DINARA

Azraai memasang pengimbas retina dan interkom di pintu apartmen adiknya, Farisha untuk memastikan keselamatannya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang seorang abang terhadap adiknya dengan memastikan keselamatan adiknya terjaga.

SILIR DAKSINA

Abdullah Kayan terlalu sayang akan anaknya Haiqal yang dipisahkan oleh isterinya sehinggakan dia sentiasa merindukannya dan menghasilkan manuskrip cerita tentang perasaan rindu kepada anaknya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang seorang bapa terhadap anaknya yang tidak berubah walaupun tidak berpeluang bertemu dengannya lagi akibat keruntuhan rumah tangga.

SILIR DAKSINA

Haiqal begitu sayang akan arwah bapanya, Abdullah bin Kayan. Dia sanggup pergi ke kampung halaman arwah bapanya seorang diri untuk menjejaki bekas-bekas kehidupan Abdullah bin Kayan.


PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan kasih sayang seorang anak terhadap bapanya dengan berusaha memahami sejarah hidup arwah ayahnya.

NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA TENTANG SEMANGAT SETIA KAWAN



DI SEBALIK DINARA

Shida sanggup menghantar Farisha ke stesen monorel apabila Farisha meminta bantuan daripadanya kerana kereta Rosman yang ditumpanginya mengalami masalah enjin.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan semangat setia kawan dengan bersedia membantu rakan yang berada dalam kesusahan.

DI SEBALIK DINARA

Rosman dan Shida pergi melawat Farisha di Hospital Putrajaya kerana Farisha tiba-tiba pengsan semasa sedang bekerja di pejabatnya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan semangat setia kawan ketika sahabat ditimpa dugaan dalam kehidupan.

SILIR DAKSINA

Semasa menerima keputusan SPM, Haiqal memujuk Ratna yang gagal mendapat keputusan yang baik supaya tidak menangis kerana kegagalan dalam peperiksaan bukan bermakna gagal dalam hidup.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan semangat setia kawan dengan memberikan sokongan semasa sahabat berada dalam kesedihan.

SILIR DAKSINA

Ratna menyatakan sokongannya terhadap hasrat Haiqal yang ingin ke kampung halaman arwah bapanya, Abdullah bin Kayan di Batu Pahat, Johor untuk menjejaki sejarah hidup bapanya. Ratna turut menghantar Haiqal ke stesen bas.


PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan semangat setia kawan dalam memahami konflik yang dihadapi oleh sahabat.



PERISTIWA YANG

Menggembirakan



DI SEBALIK DINARA

Azraai melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang abang dengan memasang pengimbas retina dan interkom di pintu apartmen adiknya, Farisha untuk memastikan keselamatannya..

PENERANGAN

Peristiwa ini menggembirakan saya kerana tindakan seorang abang yang sangat bertanggungjawab dan mengambil berat untuk melindungi adiknya.

DI SEBALIK DINARA

Medina akhirnya dapat bertemu dengan anak kandungnya, Farisha setelah 26 tahun terpisah dengannya. Medina sangat merindui anaknya dan tidak ingin kehilangannya lagi.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggembirakan saya kerana usaha seorang ibu yang tidak pernah berputus asa menjejaki anaknya akhirnya membuahkan kejayaan,

SILIR DAKSINA

Tauke Ong gigih mencari rezeki bagi menampung kehidupan keluarganya dengan menorah getah pada waktu pagi dan memungut hasil kampung pada waktu petang demi menyara kehidupan keluarganya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggembirakan saya kerana sikap gigih seorang bapa dalam mencari rezeki bagi menampung perbelanjaan dan membahagiakan keluarganya.

SILIR DAKSINA


Umi, walid dan adik tirinya, Nurul Asiyah telah menghadiri dan menyaksikan persembahan tarian zapin oleh Haiqal di balai raya Kampung Seri Purnama. Umi akhirnya mengalah dan merestui minat Haiqal dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggembirakan saya kerana hubungan yang retak antara ibu dengan anak akhirnya dapat dipulihkan semula setelah ibunya merestui minat anaknya.



PERISTIWA TENTANG SEMANGAT KERJASAMA



DI SEBALIK DINARA

Rosman dan Farisha saling bekerjasama untuk membangunkan Syarikat Secured Shell Sdn.Bhd dengan melakukan pembahagian tugas. Rosman menguruskan projek di Senawang manakala Farisha menguruskan projek yang ditawarkan oleh Soft Lab.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam membangunkan dan memajukan perusahaan agar bertambah cekap dan kukuh.

DI SEBALIK DINARA

Dr.Maxi, Aqram dan Khairul Anwar saling bekerjasama sentiasa mengadakan perbincangan di Soft Lab bagi memastikan rancangan mereka untuk menyelamatkan Sistem Dinara tercapai.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan semangat kerjasama bagi mencapai kata sepakat dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

SILIR DAKSINA

Penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama membuat persediaan menyambut kedatangan YB Datuk Saiful Azizi sempena majlis persembahan tarian zapin D'Purnama. Penduduk kampung bekerjasama menyusun kerusi dan bergotong-royong memasak nasi jagung, kurma daging kambing dan lembu serta dalca sebagai menu hidangan pada malam itu.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam menjayakan sesuatu program atau majlis agar berjalan dengan lancar.

SILIR DAKSINA


Ong See Hwa bersetuju menggantikan tempat Lazim untuk menari zapin apabila mendapat tahu Lazim ditimpa kemalangan jalan raya dan cedera parah sewaktu pulang dari tempat kerja.

PENERANGAN

Peristiwa ini menggambarkan semangat kerjasama dalam membantu memudahkan urusan orang lain agar perkara yang dirancang tidak tergendala.



PERISTIWA TENTANG KEBERANIAN



DI SEBALIK DINARA

Farisha berani menerima tawaran daripada Soft Lab untuk menggodam Sistem Dinara yang bermasalah dengan bayaran RM 1.5 juta.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan keberanian seseorang dalam mengambil risiko melakukan sesuatu tugas yang mencabar.

DI SEBALIK DINARA

Azraai bersikap berani dengan menyatakan kebenaran kepada adiknya, Farisha bahawa dia merupakan anak angkat dalam keluarganya yang diserahkan kepada keluarganya 26 tahun yang lepas walaupun dia tahu adik angkatnya itu akan berasa sedih.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan keberanian dalam menyatakan kebenaran meskipun terpaksa melukakan hati dan perasaan insan yang disayangi.

SILIR DAKSINA

Haiqal berani pergi ke Kampung Seri Purnama di Batu Pahat, Johor seorang diri untuk menjejaki sejarah hidup ayah kandungnya, Abdullah bin Kayan meskipun tidak mengenali sesiapa di sana.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan keberanian seorang anak dalam mengambil risiko untuk menjejaki sejarah hidup ayah kandungnya.

SILIR DAKSINA

Haiqal mengambil Keputusan yang berani apabila dia bersetuju untuk membuat persembahan tarian zapin walaupun dia langsung tidak tahu menari. Dia gigih berlatih dengan Pak Cik Bakar di balai raya selepas solat Isyak.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan keberanian dalam mencuba sesuatu yang baharu untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman diri.

NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA YANG MENYENTUH PERASAAN



DI SEBALIK DINARA

Farisha melawat Karl yang sedang nazak di rumah agam Karl dan menyatakan bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu. Farisha turut mengucapkan selamat tinggal kepada Karl. Tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu.

PENERANGAN

Peristiwa ini menyentuh perasaan saya kerana ketulusan kasih sayang seorang anak yang sanggup bertemu dengan bapa kandungnya walaupun bapanya pernah menjadikannya sebagai bahan uji kaji.

DI SEBALIK DINARA

Farisha berasa sedih apabila mendapat tahu abangnya, Azraai menghidap penyakit jantung ketika makan malam di rumah Azraai.

PENERANGAN

Peristiwa ini menyentuh perasaan saya kerana kasih sayang seorang adik yang sangat mendalam terhadap abangnya menunjukkan hubungan mereka yang sangat erat.

SILIR DAKSINA

Umi, walid dan adik tiri Haiqal, Siti Aishah hadir menyaksikan Haiqal membuat persembahan tarian zapin di balai raya Kampung Seri Purnama. Umi akhirnya mengalah dan merestui minat Haiqal dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan.

PENERANGAN

Peristiwa ini menyentuh perasaan saya kerana hubungan yang renggang antara anak dengan ibu akhirnya dapat dipulihkan semula.

SILIR DAKSINA

Abdullah bin Kayan menulis manuskrip untuk anaknya, Haiqal yang terpisah daripadanya sejak kecil setelah dia bercerai dengan isterinya sebagai bukti kerinduan dan kasih sayang kepada anaknya.


PENERANGAN

Peristiwa ini menyentuh perasaan saya kerana kerinduan mendalam yang terpaksa ditanggung oleh seorang ayah kepada anaknya yang terpisah daripadanya akibat keruntuhan rumah tangga.

NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA TENTANG KEGIGIHAN



DI SEBALIK DINARA

Farisha gigih menimba ilmu dalam bidang perkomputeran. Farisha sanggup membeli tiket yang berharga RM2,500 untuk dia dan Rosman bagi menghadiri simposium di Hotel Renaissance yang dirasmikan oleh Philips Yong, Presiden Persatuan Penggadam Antarabangsa.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan kegigihan seseorang yang sanggup mengeluarkan kos yang tinggi untuk mendapatkan ilmu pengetahuan.

DI SEBALIK DINARA

Marilyn@Medina gigih mencari anaknya yang hilang dan telah diserahkan kepada keluarga angkat. Selama 26 tahun Medina berusaha menjejaki Farisha dan ketika bertemu dengan anaknya itu, Medina mengakui bahawa dia merindui Farisha dan tidak ingin kehilangannya lagi.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan kegigihan berusaha tanpa mengenal erti putus asa sehingga matlamat tercapai.

SILIR DAKSINA

Tauke Ong menoreh pokok getah pada sebelah pagi bersama-sama isterinya dan meraih hasil kampung seperti biji kopi, pisang, getah beku dan sekerap untuk dijual di pekan pada sebelah petang. Hasil kegigihannya, dia dapat membeli setengah ekar tanah kebun untuk dijadikan tapak rumahnya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan kegigihan dalam mencari rezeki untuk mengubah nasib diri sehingga berjaya memperoleh hasil yang membanggakan.

SILIR DAKSINA


Abdullah bin Kayan telah berusaha mengembangkan seni tarian zapin dengan menghidupkan semula Kumpulan zapin jincat D'Purnama dan banyak menghasilkan karya sastera.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan kegigihan dalam memartabatkan warisan seni budaya agar tidak dilupakan oleh generasi muda.



PERISTIWA TENTANG SIKAP AMANAH



DI SEBALIK DINARA

Azraai menjalankan tanggungjawab menjaga Farisha dengan baik dan menyimpan rahsia identiti Farisha yang sebenarnya. Dia juga memegang amanah untuk memastikan semua mikrochip mesti kekal di dalam tubuh Farisha.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan sikap amanah dalam menjaga rahsia.

DI SEBALIK DINARA

Dr. Maxi dan Aqram berusaha mencari Farisha dan membawanya ke Dinara seperti yang diarahkan oleh Karl. Mereka tetap patuh menjalankan tugas dan tanggungjawab mengesan Farisha serta memastikan Farisha melaksanakan tugasnya di Dinara.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan sikap amanah seseorang pekerja dalam menjalankan tugas yang diberikan oleh ketuanya dengan penuh dedikasi.

SILIR DAKSINA

Ong See Hwa mengirimkan manuskrip yang bertulis tangan kepada Haiqal seperti yang diamanahkan oleh Abdullah bin Kayan walaupun dia amat menyayangi manuskrip tersebut.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan sikap amanah dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan sehingga sanggup mengetepikan kepentingan diri sendiri.

SILIR DAKSINA

Tauke Ong bertanggungjawab menjaga kebun kelapa sawit yang ditinggalkan oleh Abdullah bin Kayan dan menyerahkan segala harta tersebut kepada Haiqal ketika Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama.


PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan sikap amanah seseorang dalam menjaga harta benda yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.

NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA TENTANG PENGORBANAN



DI SEBALIK DINARA

Farisha sanggup berkorban wang ringgit untuk menimba ilmu dalam bidang perkomputeran apabila membeli tiket yang berharga RM2,500 untuk dia dan Rosman bagi menghadiri simposium di Hotel Renaissance yang dirasmikan oleh Philips Yong, Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan yang dilakukan dalam usaha menambah ilmu pengetahuan.

DI SEBALIK DINARA

Rusmina sanggup berkorban menghadapi seksaan suaminya, Karl kerana ketegasannya untuk tidak meninggalkan agamanya sehingga menjadi cacat dan akhirnya ditukar menjadi cyborg bernama Alia.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan dalam mempertahankan pegangan agama.

SILIR DAKSINA

Haiqal berkorban dengan tetap pergi ke kampung halaman ayahnya untuk menjejak kehidupan yang dilalui oleh ayahnya, Abdullah bin Kayan walaupun dihalang oleh uminya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan seorang anak muda yang ingin mengetahui kisah ayahnya yang tidak pernah ditemuinya sejak kecil.

SILIR DAKSINA


Umi mengorbankan keegoannya apabila akhirnya merestui minat anaknya, Haiqal dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan. Umi, walid dan adik tirinya, Nurul Asiyah telah menghadiri dan menyaksikan persembahan tarian zapin oleh Haiqal di balai raya Kampung Seri Purnama.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan pengorbanan seseorang yang sanggup mengetepikan kemahuan diri demi memastikan hubungan kekeluargaan tidak retak.



PERISTIWA TENTANG KEPRIHATINAN



DI SEBALIK DINARA

Azraai bersikap prihatin terhadap soal keselamatan adiknya sehingga sanggup memasang 'retinal scanner' dan interkom yang bersambung ke rumahnya setelah berlaku satu kes pembunuhan tidak jauh dari tempat tinggal Farisha.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan terhadap keselamatan dan kebajikan ahli keluarga.

DI SEBALIK DINARA

Rosman dan Shida pergi melawat Farisha di Hospital Putrajaya kerana Farisha tiba-tiba pengsan semasa sedang bekerja di pejabatnya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan terhadap sahabat yang berada dalam kesakitan.

SILIR DAKSINA

Cikgu Nizam telah menumpangkan anak Tauke Lim, iaitu Ai Ling dan Ai Ching ke sekolah kerana keretanya rosak. Cikgu Nizam juga telah membeli bateri kereta untuk Tauke Lim serta memasangnya sehinggalah kereta Tauke Lim dapat dihidupkan semula.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan terhadap orang yang berada dalam kesusahan walaupun berbeza agama dan bangsa.

SILIR DAKSINA

Semasa menerima keputusan SPM, Haiqal memujuk Ratna yang gagal mendapat keputusan yang baik supaya tidak menangis kerana kegagalan dalam peperiksaan bukan bermakna gagal dalam hidup.


PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan keprihatinan terhadap kesedihan orang lain.

NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA TENTANG KETABAHAN



DI SEBALIK DINARA

Farisha tabah dan reda menerima kenyataan bahawa dia sebenarnya merupakan anak angkat dalam keluarga Azraai dan ayah kandungnya ialah Karl. Dia tidak berendam dengan ayahnya walaupun Karl sanggup menggunakan tubuhnya sebagai bahan uji kaji.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam menghadapi dugaan hidup dengan tidak menyalahkan takdir.

DI SEBALIK DINARA

Marilyn@Medina tabah meneruskan kehidupannya walaupun orang mengatakan dia gila dan gigih menjejaki anaknya yang telah diserahkan kepada keluarga angkat.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam menghadapi kehilangan orang yang disayangi.

SILIR DAKSINA

Abdullah bin Kayan tabah mengharungi kesunyian dan kerinduan apabila terpisah dengan anaknya, Haiqal dan menanggung kesakitan akibat penyakit sehingga membawa maut.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam mengharungi konflik kekeluargaan dan penyakit yang berbahaya.

SILIR DAKSINA

Tauke Ong tabah memulakan kehidupan baharu bersama-sama isteri dan anaknya di Batu Pahat, Johor setelah semua tanah mendiang bapanya di Ipoh habis digadaikan oleh abangnya yang suka berjudi.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan ketabahan dalam membina kehidupan baharu setelah berhadapan dengan kesusahan.



NOTA KAJIAN NOVEL



PERISTIWA TENTANG

SIKAP

Bertanggungjawab



DI SEBALIK DINARA

Azraai melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang abang dengan memasang pengimbas retina dan interkom di pintu apartmen adiknya, Farisha untuk memastikan keselamatannya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang abang dalam menjaga keselamatan ahli keluarganya.

DI SEBALIK DINARA

Dr. Maxi dan Aqram yang berusaha mencari Farisha dan membawanya ke Dinara seperti yang diarahkan oleh Karl. Mereka tetap patuh menjalankan tugas dan tanggungjawab mengesan Farisha serta memastikan Farisha melaksanakan tugasnya di Dinara.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang pekerja dalam menjalankan tugas yang telah diberikan oleh ketuanya.

SILIR DAKSINA

Walid menghantar Haiqal sehingga ke muka pintu banglo dan berjanji akan memberikan wang belanja untuk kegunaan Haiqal sepanjang Haiqal berada di kampung tersebut sebagai sokongan walaupun walid hanya bapa tiri Haiqal.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang ayah terhadap anaknya walaupun hanya anak tiri.

SILIR DAKSINA

Tauke Lim tidak mahu membeli kereta baharu kerana dia mahu menyimpan duit untuk memenuhi keperluan persekolahan anak-anaknya.

PENERANGAN

Peristiwa ini menunjukkan sikap bertanggungjawab seorang ayah sebagai ketua keluarga dalam menjaga kebajikan anak-anaknya.